



7 Mac 2017
7 March 2017
P.U. (A) 69

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2017

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 2017



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD 2001

PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [*Akta 612*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Pindaan Jadual Pertama) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2017.

Pindaan Jadual Pertama

2. Jadual Pertama kepada Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 dipinda—

(a) dalam Bahagian I, dalam perenggan “A. Sektor Perkilangan”—

(i) dalam subperenggan (1), dengan menggantikan perkataan “lima puluh” dengan perkataan “sepuluh”;

(ii) dengan memotong subperenggan (2); dan

(iii) dalam subperenggan (3)—

(A) dengan menomborkan semula subperenggan yang sedia ada sebagai subperenggan (2); dan

(B) dengan menggantikan subperenggan (2) yang dinomborkan semula dengan subperenggan yang berikut:

“(2) Perubahan bilangan pekerja

Sekiranya bilangan pekerja bagi majikan di bawah subperenggan A(1) menjadi kurang daripada sepuluh orang, kadar levi yang dikenakan hendaklah kekal pada satu peratus daripada upah bulanan setiap pekerja itu.”;

(b) dalam Bahagian I, dalam perenggan “B. Sektor Perkhidmatan”—

(i) dalam subperenggan (1)—

(A) dalam butiran (xxxvi), dengan menggantikan noktah di hujung butiran itu yang terdapat selepas perkataan “hospital veterinar” dengan koma bernoktah; dan

(B) dengan memasukkan selepas butiran (xxxvi) butiran yang berikut:

“(xxxvii) Perkhidmatan pasar raya besar, pasar raya dan gedung serbaneka, iaitu penjualan item seperti barang-barang runcit, keperluan harian, hasil tanaman, daging, konfeksi, minuman, perkakasan domestik dan keperluan tandas, pakaian lelaki, pakaian wanita, pakaian kanak-kanak dan apa-apa jenis pakaian yang lain, barangan elektrik, perabot atau apa-apa barangan untuk jualan yang lain;

(xxxviii) Perkhidmatan makanan dan minuman, iaitu apa-apa perniagaan atau aktiviti mengenai apa-apa perihalan yang melibatkan perkhidmatan bekalan makanan atau minuman untuk pelanggan atau untuk suatu acara (tetapi tidak termasuk aktiviti pengilangan makanan dan minuman).”;

(ii) dengan memotong subperenggan (2) dan (3); dan

(iii) dalam subperenggan (4)—

(A) dengan menomborkan semula subperenggan yang sedia ada sebagai subperenggan (2); dan

(B) dengan menggantikan subperenggan (2) yang dinomborkan semula dengan subperenggan yang berikut:

“(2) Perubahan bilangan pekerja

Sekiranya bilangan pekerja bagi majikan di bawah subperenggan B(1) menjadi kurang daripada sepuluh orang, kadar levi yang dikenakan hendaklah kekal pada satu peratus daripada upah bulanan setiap pekerja itu.”;

(c) dalam Bahagian I, dalam perenggan “C. Sektor Perlombongan dan Pengkuarian”—

(i) dalam subperenggan (1), dengan menggantikan perkataan “lima puluh” dengan perkataan “sepuluh”;

(ii) dengan memotong subperenggan (2); dan

(iii) dalam subperenggan (3)—

(A) dengan menomborkan semula subperenggan yang sedia ada sebagai subperenggan (2); dan

(B) dengan menggantikan subperenggan (2) yang dinomborkan semula dengan subperenggan yang berikut:

“(2) Perubahan bilangan pekerja

Sekiranya bilangan pekerja bagi majikan di bawah subperenggan C(1) menjadi kurang daripada sepuluh orang, kadar levi yang dikenakan hendaklah kekal pada satu peratus daripada upah bulanan setiap pekerja itu.”; dan

(d) dengan menggantikan Bahagian II dengan Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN II

Kelas Majikan

Industri

A. Sektor Perkilangan

Majikan yang mempunyai lima hingga sembilan orang pekerja

Industri perkilangan yang berhubungan dengan Sektor Perkilangan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan A(1) Bahagian I